

SUNBEAM 50th Anniversary – Snap & Win Contest
TERMA & SYARAT

A. Jadual Syarat Kemasukan

Penganjur	: SD Guthrie International Professional Sdn Bhd. (<i>dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Oils Professional Sdn Bhd</i>) 200701014950 (772956-W)
Peraduan	: SUNBEAM 50th Anniversary – Snap & Win Contest
Tempoh Peraduan	: Peraduan ini bermula pada jam 00:00:01 pada 18 Oktober 2024 dan berakhir pada jam 11:59:59 pada 30 November 2024 (“ Tempoh Peraduan ”).
Kelayakan (Fasal 2)	: Peraduan ini dibuka kepada semua individu: <p style="margin-left: 40px;">(a) berwarganegara Malaysia;</p> <p style="margin-left: 40px;">(b) yang berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permulaan Tempoh Peraduan; dan</p> <p style="margin-left: 40px;">(c) yang mempunyai kad pengenalan (MyKad)/dokumen pengenalan yang sah.</p> <p style="text-align: center;">(“Peserta Yang Layak”)</p> <p>Kumpulan individu yang berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:</p> <p style="margin-left: 40px;">(a) Kakitangan Penganjur (sama ada tetap atau sementara) (termasuk syarikat-syarikat bersekutu atau yang berkaitan dengannya) (secara kolektif dirujuk sebagai “Syarikat Kumpulan Penganjur”) dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka); dan</p> <p style="margin-left: 40px;">(b) Kakitangan, wakil-wakil, dan/atau ejen-ejen pembekal perkhidmatan pengiklanan dan/atau ejen-ejen promosi bagi pihak Penganjur yang berkaitan dan terlibat dengan Peraduan dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka)</p>
Kaedah Penyertaan (Fasal 3)	: 1. Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta Yang Layak perlu dalam Tempoh Peraduan: <p style="margin-left: 40px;">(a) membeli sekurang-kurangnya satu (1) produk minyak masak Sunbeam seperti minyak masak Bunga Matahari, minyak masak Kanola, minyak masak Kelapa, minyak masak Bran Beras (“Produk Minyak Masak Sunbeam”) di mana-mana kedai fizikal di Malaysia sahaja ke atas dalam satu (1) resit pembelian dimana resit pembelian tersebut hendaklah berjumlah minimum RM20.00; dan</p>

	<p>(b) mengambil gambar Produk Minyak Masak Sunbeam dengan resit, muat naik di Facebook story/feed dan tag: https://www.facebook.com/TasteofSunbeam (“Facebook Rasmi Produk Minyak Masak Sunbeam”) atau muat naik di Instagram Story/Feed dan tag: https://www.instagram.com/thetasteofsunbeam/ (“Instagram Rasmi Produk Minyak Masak Sunbeam”). Pastikan Facebook atau Instagram di setkan “Public”.</p> <p>2. Peserta kemudiannya akan di senarai pendekkan secara rambang dan perlu:</p> <p>(a) menjawab soalan ringkas yang akan dihantar oleh Penganjur melalui “Direct Message“ di Facebook atau Instagram dan tunjuk bukti pembelian dan melengkapkan butiran peribadi seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Nama Penuh (seperti yang tertera di dalam MyKad); 2. Nombor Kad Pengenalan; 3. Nombor Telefon; dan 4. Alamat <p>dan</p> <p>(b) menghantar jawapan kepada soalan ringkas, butiran peribadi di 2(a), gambar resit pembelian Produk Minyak Masak Sunbeam yang lengkap dan jelas kepada pihak Penganjur menerusi “Direct Message” di Facebook atau Instagram dalam tempoh masa tujuh (7) hari selepas Penganjur “Direct Message” di Facebook atau Instagram. Jika peserta gagal menghantar jawapan soalan ringkas, butiran peribadi di 2(a) serta gambar resit pembelian Produk Minyak Masak Sunbeam yang lengkap dan jelas kepada Penganjur dalam masa tempoh tujuh (7) hari dari Penganjur “Direct Message” di Facebook atau Instagram peserta, peserta akan dilucutkan peluang untuk menjadi pemenang Peraduan ini.</p>
<p>Pemenang & Hadiah (Fasal 5)</p>	<p>Hadiah Terdapat lima puluh (50) pemenang yang akan dipilih dan hadiah yang ditawarkan adalah 1gram emas untuk setiap pemenang (“Hadiah”).</p>
<p>Kaedah Pemilihan Pemenang (Fasal 5)</p>	<p>Bagi menentukan pemenang, kesemua penyertaan oleh Peserta Yang Layak yang:</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) telah memenuhi syarat 1(a) dan 1(b) Kaedah Penyertaan di dalam Jadual Syarat Kemasukan; dan (b) telah disenaraikan pendekkan secara rambang <p>yang menjawab jawapan yang tepat, akan dipilih sebagai pemenang berdasarkan ketepatan jawapan dan memenuhi syarat 2(b) Kaedah Penyertaan di dalam Jadual Syarat Kemasukan</p>
<p>Pengumuman</p>	<p>: Pengumuman senarai pemenang akan dipaparkan di Facebook Rasmi</p>

Pemenang <i>(Fasal 6)</i>	Produk Minyak Masak Sunbeam dan Instagram Rasmi Produk Minyak Masak Sunbeam. 50 pemenang akan diumumkan selepas tamat Tempoh Peraduan iaitu pada 15 Disember 2024.
Penuntutan Hadiah : <i>(Fasal 6)</i>	Penuntutan Hadiah Sendiri (<i>'Self Collect'</i>) <ul style="list-style-type: none"> • Penuntutan Hadiah sendiri hendaklah di buat dalam tempoh masa enam puluh (60) hari dari penerimaan Surat Rasmi dari Penganjur kepada pemenang - sila lihat bullet point ketiga bahagian Penuntutan Hadiah, Jadual Syarat Kemasukan ini • Pemenang hendaklah membawa resit original, dokumen pengenalan diri yang sah ("IC") dan surat rasmi tuntutan Hadiah pemenang dari Penganjur ("Surat Rasmi") untuk menuntuti Hadiah di mana-mana cawangan fizikal Habib Jewels Sdn Bhd ("Habib") di Malaysia. Jika tiada resit original, IC dan Surat Rasmi, pemenang tidak akan dibenarkan menuntut Hadiah di Habib. • Surat Rasmi akan dihantarkan kepada alamat pemenang (alamat yang telah diberikan pada 2(a) Kaedah Penyertaan di dalam Jadual Syarat Kemasukan) melalui kurier dan Surat Rasmi tersebut akan dianggap diterima oleh Pemenang dengan sewajarnya, lima Hari Perniagaan selepas tarikh penghantaran Surat Rasmi. Untuk tujuan Terma dan Syarat Peraduan ini, Hari Perniagaan bermaksud hari di mana bank perdagangan dibuka untuk perniagaan (selain Sabtu dan Ahad) di Selangor, Malaysia.

B. Syarat-syarat Kemasukan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Kemasukan ini hendaklah dibaca, dirujuk, diambil kira, dan ditafsirkan bersama-sama dengan Jadual Syarat Kemasukan. Syarat-syarat Kemasukan dan Jadual Syarat Kemasukan secara kolektif akan dirujuk sebagai "**Terma dan Syarat**". Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk Peraduan ini, Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- 1.2 Setiap istilah huruf besar yang tidak ditakrifkan sebaliknya di sini hendaklah mempunyai maksud yang dinyatakan dalam istilah tersebut dalam Jadual Syarat Kemasukan. Istilah yang ditakrifkan atau ditentukan akan membawa maksud satu dan adalah juga merujuk kepada jumlah majmuk dan juga sebaliknya.
- 1.3 Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlakanya, tanpa memberi sebab dan/atau notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa mengubah Terma dan Syarat ini termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagian. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat ini, peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.4 Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilkan, penilaian dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh

dipertikaikan oleh mana-mana peserta, dan surat-menyurat, rayuan, atau bantahan tidak akan dilayan.

2. Kelayakan

- 2.1 Jika umur kelayakan yang ditetapkan di dalam Jadual Syarat Kemasukan adalah di bawah umur lapan belas (18) tahun, peserta tersebut dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur) daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan dan sebelum mengemukakan sebarang data peribadi bagi tujuan penyertaan Peraduan ini. Bagi tujuan pengesahan oleh Penganjur, bukti kelayakan yang perlu dikemukakan kepada Penganjur untuk menyertai Peraduan berhubung dengan Fasal 2 ini, adalah termasuk tanpa had, dokumen pengenalan diri, dan / atau kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga yang sah.

3. Syarat-syarat Penyertaan

- 3.1 Pengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini oleh Peserta Yang Layak akan dianggap sebagai Peserta Yang Layak tersebut sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 3.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan, termasuk tanpa terhad kepada pembelian Produk Minyak Masak Sunbeam, caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas ('SMS'), pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan oleh Peserta Yang Layak semasa atau berhubung dengan Peraduan hendaklah ditanggung oleh Peserta Yang Layak.
- 3.3 Bukti penghantaran penyertaan bukan bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau penyertaan yang tidak diterima. Penghantaran penyertaan adalah di atas risiko Peserta Yang Layak sendiri. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau pembekal perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet.
- 3.4 Peserta Yang Layak tidak dibenarkan mengguna pakai penyertaan Peraduan untuk pengeluaran semula, penduaan, penyalinan semula, penjualan, penjualan semula, pengedaran, penerbitan atau pengeksploitasian untuk sebarang tujuan komersial bagi produk dan servis yang disediakan oleh Penganjur tanpa memperolehi kebenaran bertulis yang nyata dan terdahulu daripada Penganjur. Pengehadan ini termasuklah sebarang cubaan untuk memasukkan sebarang informasi daripada Peraduan ke dalam mana-mana direktori, produk atau servis yang lain.
- 3.5 Peserta Yang Layak dibenarkan menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi setiap penyertaan perlu dilengkapi mengikut tatacara yang dinyatakan di 1(a) dan 1(b) Kaedah

Penyertaan di dalam Jadual Syarat Kemasukan di atas (walaubagaimanapun, Peserta Yang Layak perlu menggunakan resit pembelian yang berbeza untuk setiap penyertaan sepanjang Tempoh Peraduan), untuk menambah keberangkalian untuk disenarai pendek untuk bahagian 2 Kaedah Penyertaan di dalam Jadual Syarat Kemasukan di atas untuk berpeluang memenangi Hadiah. Walaubagaimanapun, Peserta Yang Layak hanya boleh memenangi maksimum satu (1) Hadiah untuk Peraduan ini.

- 3.6 Setiap resit pembelian berjumlah minimum RM20.00 atau satu (1) botol Produk Minyak Masak Sunbeam akan dikira sebagai satu (1) penyertaan. Walaubagaimanapun, setiap resit pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja.

4. Perlucutan Kelayakan

- 4.1 Semua penyertaan yang dihantar adalah tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan secara automatik penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau rosak dan penyertaan lewat dan luar dari Tempoh Peraduan. Setiap penyertaan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, rakaman, dan sebarang kandungan elektronik atau maklumat lain yang dikemukakan oleh Peserta Yang Layak untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “**Material**”),
- 4.2 Penganjur, atas budi bicara mutlak, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyingkirkan mana-mana penyertaan tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya Peserta Yang Layak tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan.
- 4.3 Penyertaan dan/atau Material (mana-mana yang berkaitan) berikut akan dilucutkan kelayakannya:
- (a) penyertaan yang gagal memenuhi syarat kelayakan 1(a) dan 1(b) Kaedah Penyertaan di dalam Jadual Syarat Kemasukan diatas kerana syarat tersebut dilakukan selepas tamat Tempoh Peraduan;
 - (b) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul;
 - (c) penyertaan dan/atau Material yang tidak sesuai untuk akses atau paparan awam dan/atau a mengandungi kandungan yang tidak bermoral, lucu, menyentuh isu atau sensitiviti agama/budaya/politik, keganasan, fitnah dan / atau berbaur fitnah, bahan-bahan yang menyinggung perasaan atau bahan-bahan yang berkemungkinan menjejaskan imej Penganjur atau mencalar reputasi Penganjur;
 - (d) penyertaan dan/atau Material mengandungi atau merujuk kepada mana-mana produk atau mengandungi jenama selain daripada yang mewakili Penganjur (melainkan kemasukan sedemikian tidak disengajakan, tidak jelas dan secara wajar perlu disebabkan sifat penyertaan Peraduan ini);
 - (e) penyertaan dan/atau Material yang bukan hasil usaha Peserta Yang Layak sendiri dan ianya mengandungi harta intelek (termasuk hak moral) pihak lain melainkan Pihak Yang Layak telah mendapat kebenaran yang dikehendaki bagi peruntukan dan penggunaannya, pengeluaran semula dan urusan lain selaras dengan Terma dan Syarat Peraduan ini (termasuk Fasal 9 yang dinyatakan di bawah ini); dan/atau
 - (f) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

4.4 Penganjur juga berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta Yang Layak yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan;
- (b) berulang-kali menghantar penyertaan yang sama dan/atau menghantar 'spam' menerusi Facebook Rasmi Produk Minyak Masak Sunbeam dan Instagram Rasmi Produk Minyak Masak Sunbeam yang sama sekali tidak berkaitan dengan Peraduan; dan/atau
- (c) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

4.5 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta Yang Layak yang dilucutkan kelayakannya.

5. Pemenang & Hadiah

5.1 Penganjur berhak membuat keputusan sepenuhnya dalam segala hal berkenaan Peraduan termasuklah dalam penentuan pemenang. Keputusan Penganjur dalam semua hal berkaitan Peraduan termasuklah penentuan pemenang adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.

5.2 Segala imej atau gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar. Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan menafikan apa-apa dan semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan, pengubahan, atau pengubahsuaian kepada Hadiah yang disebabkan oleh apa-apa keadaan lain yang tidak dijangka dan/atau di luar kawalan Penganjur.

6. Pengumuman Pemenang dan Penuntutan Hadiah

6.1 Hadiah yang ditawarkan dalam Peraduan ini perlu dituntut oleh pemenang, melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan Hadiah.

6.2 Penuntutan Hadiah Sendiri ('Self Collect')

Bagi Hadiah yang perlu dituntut sendiri, ianya mesti dituntut oleh pemenang daripada Penganjur dalam masa enam puluh (60) hari dari penerimaan Surat Rasmi dari Penganjur kepada pemenang. Pemenang dikehendaki mengemukakan IC serta dokumen lain yang telah ditetapkan di bahagian Penuntutan Hadiah di dalam Jadual Syarat Kemasukan diatas semasa atau sebelum penuntutan atau penyerahan Hadiah untuk tujuan pengesahan Penganjur. Penganjur, ejen, dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pemenang yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Penuntutan Hadiah dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.3 Kesemua Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh pemenang dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur. Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Terma dan Syarat ini

berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh pemenang. Semua Hadiah mesti diambil menurut Terma dan Syarat Penganjur, ejennya, atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

- 6.4 Kesemua Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Kesemua Hadiah hendaklah digunakan sepenuhnya atas risiko pemenang dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.5 Sekiranya pemenang berumur di bawah lapan belas (18) tahun dan penuntutan hadiah adalah secara Penuntutan Hadiah Sendiri, pemenang tersebut hendaklah ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka semasa penuntutan Hadiah.

7. Am

- 7.1 Penganjur, ejen, dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta Yang Layak dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 7.2 Peserta Yang Layak tidak berhak untuk menyerahkan mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 7.3 Sebarang nama, cap perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada Syarikat Kumpulan Penganjur.
- 7.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 7.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Malaysia dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Malaysia dan bahasa lain, versi bahasa Malaysia hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 7.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia (termasuk peruntukan undang-undang yang telah dipinda, disemak atau dicetak semula).

8. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan sebarang kandungan penyertaan Peserta Yang Layak dan/atau Material, yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan, dan nama Peserta Yang Layak, dan/atau sebarang persamaan rupa kandungan penyertaan Peserta Yang Layak dan/atau Material, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan apa-apa peraduan lain yang melibatkan mana-mana barangan

Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta Yang Layak hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

9. Hak Milik Harta Intelek

Peserta Yang Layak bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau Material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta Yang Layak berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai Material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta Yang Layak dan Peserta Yang Layak mengetepikan segala haknya ke atas Material atau hasil kerja tersebut.

10. Had Liabiliti

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, penyertaan Peserta Yang Layak dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta Yang Layak sendiri. Penganjur, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta Yang Layak berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta Yang Layak yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta Yang Layak dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Indemniti (Pampasan)

Setiap Peserta Yang Layak bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan Syarikat Kumpulan Penganjur dan/atau setiap satu para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta Yang Layak dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta Yang Layak dan/atau sebarang persamaan rupa kandungan penyertaan Peserta Yang Layak dan/atau Material berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

12. Notis Privasi

- 12.1 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan data peribadi peserta untuk memproses penyertaan peserta dalam Peraduan ini. Tanpa data yang diperlukan, Penganjur tidak akan dapat memproses penyertaan dan/atau sebarang permintaan berhubung dengan data peribadi peserta selaras dengan Fasal 12 ini.
- 12.2 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta telah bersetuju dan memberi kebenaran untuk Penganjur dan mana-mana Syarikat Kumpulan Penganjur dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada Penganjur dan bertindak bagi pihak Penganjur ("**Pihak Ketiga**")

memproses data peribadi peserta yang dikemukakan atas talian bagi tujuan Peraduan ini. Hal ini termasuk mendedahkan nama peserta kepada masyarakat umum jika peserta menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara Penganjur dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain data peribadi peserta tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.

- 12.3 Dengan menyertai Peraduan ini, peserta telah bersetuju dan memberi kebenaran untuk Penganjur dan Pihak Ketiga juga boleh menggunakan data peribadi peserta bagi tujuan menghubungi dan menghantar data atau bahan-bahan pemasaran dan Peraduan mengenai produk Penganjur, perkhidmatan, sampel, apa-apa Peraduan, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur.
- 12.4 Peraduan ini sama sekali tidak ditaja, disahkan, ditadbir, dan/atau berkait rapat dengan laman social Facebook dan Instagram. Oleh itu, Peserta Yang Layak tidak akan mempunyai sebarang tuntutan dalam apa cara (sama ada berhubung dengan liabiliti, kerosakan, kehilangan dan sebaliknya) terhadap Facebook dan Instagram berhubung dengan (i) Peraduan ini, operasinya, pengendaliannya, pelaksanaannya, atau pentadbirannya; atau (ii) penyertaan Peserta Yang Layak dalam Peraduan ini.
- 12.5 Kesemua data yang diperoleh dan digunakan di dalam Peraduan ini adalah bersifat sulit. Kesemua data peribadi yang dikumpulkan daripada Peserta Yang Layak akan diproses mengikut polisi privasi Penganjur. Untuk penerangan terperinci mengenai polisi privasi Penganjur, sila rujuk di <https://www.sdguthrie-professional.com/taste-of-sunbeam/> Penganjur berhak untuk mengemaskini dan meminda notis privasi atau polisi privasi ini dari semasa ke semasa. Dengan meneruskan komunikasi dengan Penganjur, selepas penyampaian polisi privasi Penganjur yang terkini, peserta dianggap sebagai telah menerima dan bersetuju dengan semakan semula serta pengemaskinian yang terkandung di dalamnya.
- 12.6 Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi peserta yang disimpan oleh Penganjur.
- 12.7 Sekiranya Penganjur tidak menerima makluman daripada peserta berkenaan pemprosesan data peribadi peserta, Penganjur akan meneruskan pemprosesan dan peserta dianggap sebagai telah membenarkan pemprosesan data peribadi peserta oleh Penganjur. Peserta juga boleh membuat permintaan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi peserta atau menarik balik persetujuan peserta dengan menghantar permintaan peserta secara bertulis kepada alamat yang berikut:

Hubungi: Ketua SD Guthrie International Professional Sdn Bhd

Alamat: Tingkat 6, Blok C, SD Guthrie Tower, No. 2, Jalan PJU 1A/7 Ara Damansara, 47301
Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Emel: sdfoods@sdguthrie.com